



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

**PELAKSANAAN MINGGU PEPERIKSAAN AKHIR  
UNTUK SEMESTER 2 SESI 2017/2018 PROGRAM SARJANA MUDA**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
13 Februari 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

13 FEBRUARI 2018

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2018**

**PELAKSANAAN MINGGU PEPERIKSAAN AKHIR**  
**UNTUK SEMESTER 2 SESI 2017/2018 PROGRAM SARJANA MUDA**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-162 Bilangan 1/2018 yang bersidang pada 30 Januari 2018 dan 13 Februari 2018 telah bersetuju dengan pelaksanaan Minggu Peperiksaan Akhir untuk Semester 2 Sesi 2017/2018 Program Sarjana Muda.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-149 Bil.12/2016 bertarikh 20 Disember 2016 meluluskan Takwim Akademik Sesi 2017/2018 Program Sarjana Muda.

2.2 Minggu Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi 2017/2018 mengikut kalendar akademik akan bermula pada 4 Jun hingga 1 Julai 2018 seperti berikut:

Perkara	Tarikh
Peperiksaan Akhir	4 hingga 12 Jun 2018 (8 hari)
Cuti sempena Hari Raya Aidilfitri	13 hingga 19 Jun 2018 (7 hari)
Peperiksaan Akhir (sambungan)	20 hingga 23 Jun 2018 (4 hari)

2.3 Pelajar memohon pertimbangan Universiti supaya minggu peperiksaan akhir tamat sebelum cuti Hari Raya Aidilfitri tahun 2018.

2.4 Bahagian Hal Ehwal Akademik mengenal pasti dua alternatif dalam pelaksanaan Minggu Peperiksaan Akhir Program Sarjana Muda pada semester berkenaan seperti berikut:

Cadangan	Tarikh Peperiksaan	Implikasi
Pertama	Minggu Peperiksaan 4 hingga 12 Jun 2018 (8 hari - tidak termasuk hari Ahad)	1) 16 sesi peperiksaan akhir 2) Dewan/bilik kuliah standard peperiksaan mungkin tidak mencukupi. Oleh itu, perlu mengguna pakai bilik kuliah dengan kerusi flip. 3) Kekurangan peperiksaan berturutan sesi lebih banyak 4) Peperiksaan akhir tamat sebelum cuti Hari Raya Aidilfitri
Kedua	Minggu Peperiksaan 4 hingga 12 Jun 2018 (9 hari - termasuk hari Ahad)	1) 18 sesi peperiksaan akhir 2) Dewan/bilik kuliah standard peperiksaan mungkin tidak mencukupi. Oleh itu, perlu mengguna pakai bilik kuliah dengan kerusi flip. 3) Sesi peperiksaan secara berturutan berlaku antara kursus masih ada 4) Tiada Cuti hari Ahad 5) Minggu Peperiksaan akhir tamat sebelum cuti Hari Raya Aidilfitri

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju:

3.1.1 cadangan kedua dengan pindaan seperti berikut:

Cadangan	Tarikh Peperiksaan	Implikasi
Kedua	Minggu Peperiksaan 4 hingga 13 Jun 2018 (10 hari - termasuk hari Ahad)	1) Dewan/ Peperiksaan adalah terhad. Semua bilik kuliah perlu digunakan termasuk bilik kuliah dengan kerusi flip. 2) Tiada pertindihan jadual berlaku untuk setiap kursus yang didaftar oleh pelajar. 3). 555 orang pelajar masih tidak membuat pendaftaran kursus untuk Semester 2 Sesi 2017/2018.

3.1.2 meminda keputusan Mesyuarat Senat Kali Ke-149 Bil.12/2016 bertarikh 20 Disember 2016 yang meluluskan Takwim Akademik Sesi 2017/2018 dengan pindaan seperti berikut:

Aktiviti	Tempoh	Tarikh	Catatan
Peperiksaan	10 hari	04.06.2018 -13.06.2018	Hari Raya Aidilfitri 15/16 Jun (Jumaat/Sabtu)

#### 4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 13 Februari 2018.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik

